

**DATO' SIAMANG GAGAP** ( ? - ? ), pembesar Negeri Sembilan pada masa pemerintahan Yamtuan Antah (m.m. 1872–1889). Nama sebenarnya ialah Abdul Kahar bin Mukmin. Dia mendapat gelaran Dato' Siamang Gagap daripada Yamtuan Antah, mengambil sempena kepercayaan orang tua-tua bahawa negeri yang terdapat siamang yang berbunyi 'gagap' tidak akan dapat dikalahkan oleh musuh. Gelaran tersebut diberikan kerana keberanian dan sifat kepahlawanannya. Dia juga terkenal dengan panggilan Dato' Imam Perang kerana mengetuai pasukan Yamtuan Antah sewaktu mempertahankan Seri Menanti daripada serangan British. Dato' Siamang Gagap menjadi tempat rujukan Yamtuan Antah dalam urusan pemerintahan dan dia juga sangat dihormati rakyat jelata. Dia tidak pernah tunduk kepada tekanan British yang campur tangan dalam urusan pemerintahan dan pentadbiran negeri.

Dato' Siamang Gagap memainkan peranan penting sewaktu perebutan takhta kerajaan negeri. Kematian Yamtuan Imam (Yamtuan kelima) telah membuka jalan kepada perebutan kuasa di Istana Seri Menanti. Tengku Ahmad Tunggal, anak sulung kepada Yamtuan Imam, tidak terpilih untuk menggantikan tempat ayahandanya. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati di pihak Tengku Ahmad Tunggal. Pada saat-saat genting tersebut, Dato' Siamang Gagap telah melantik Tengku Ampuan Intan, balu kepada Yamtuan Radin (Yamtuan keempat) memangku jawatan Yamtuan Seri Menanti. Pada tahun 1872, Tengku Antah dilantik sebagai Yamtuan keenam. Pada tahun 1874, Perang Bukit Putus berlaku antara pihak Yamtuan Antah dengan pihak Tengku Ahmad Tunggal

yang bergabung dengan Dato' Syed Abdul Rahman dan pihak British.

Yamtuan Antah telah mengumpulkan orang Seri Menanti dan Terachi di bawah pimpinan Dato' Siamang Gagap dan berkubu di Bukit Putus. Dalam serangan yang pertama, Dato' Siamang Gagap dan pasukannya berjaya mengundurkan pihak British sehingga ke Paroi. Walau bagaimanapun, dengan bantuan dari Negeri-Negeri Selat, pihak British telah menembusi kubu pertahanan orang Seri Menanti dan membakar perkampungan Seri Menanti termasuklah istana Yamtuan Antah, Akibat kekalahan tersebut, Yamtuan Antah menemui Gabenor Negeri-Negeri Selat, Frederick Alusysweld di Johor manakala Dato' Siamang Gagap meneruskan perjuangan menentang British. Yamtuan Antah telah menerima keputusan British yang mengehadkan daerah tadbir Yamtuan kepada Seri Menanti sahaja. Syarat tersebut ternyata tidak dipersetujui oleh Dato' Siamang Gagap. Walau bagaimanapun, pada 4 Jun 1887, British berjaya memeterai perjanjian tersebut dengan Yamtuan Antah sewaktu Dato' Siamang Gagap menunaikan ibadat haji.

Selepas kematian Yamtuan Antah pada tahun 1888, takhta kerajaan telah dituntut oleh Tengku Muda Chik, putera kepada Yamtuan Radin. Dato' Siamang Gagap telah mempertahankan hak Tengku Muhammad, putera Yamtuan Antah, yang masih kecil atas alasan bahawa Tengku Muda Chik telah ditentukan haknya di Jelebu oleh ayahandanya, Yamtuan Radin dan bukan lagi di Seri Menanti. Dato' Siamang Gagap memberi amaran keras kepada Martin Lister, Pegawai Daerah Kuala Pilah, yang menyatakan bahawa pelantikan raja tidak ada kena-mengena dengan British. Tengku Muda Chik terpaksa beralah. Sekali lagi Dato' Siamang Gagap tidak mengisytiharkan pengganti raja, sebaliknya melantik Tengku Ampuan Intan, balu Yamtuan Radin sebagai pemangku sehingga Tengku Muhammad cukup usia untuk menaiki takhta.

Dato' Siamang Gagap meninggalkan Seri Menanti dan berpindah ke Pahang sebaik sahaja Tengku Muhammad ditabalkan sebagai Yamtuan. Kegiatannya menentang British menyebabkan dia sentiasa menjadi buruan. Dia kemudiannya berangkat ke Makkah dan meninggal dunia di sana. [*lih. j.* PERANG BUKIT PUTUS]